Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, langkah itu dibuat bagi mengurangkan pengaruh orang tengah.

Ini kerana katanya, kenaikan harga barang yang kerap berlaku disebabkan tindakan orang tengah atau kartel yang memanipulasi harga bagi mengaut keuntungan berlebihan.

"Ketika ini kita mempunyai 162 pusat pengumpulan bagi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (130) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) (300).

"Jadi, kita akan tambah lagi jumlahnya (pusat pengumpulan hasil). Kita juga menggalakkan perniagaan dalam talian agar pengeluar hasil terus kepada pengguna. Itu antara langkah dibuat kerajaan untuk mengurangkan pengaruh orang tengah.

"Selain itu, banyak lagi usaha yang diambil kementerian bagi mengurangkan pengaruh orang tengah dalam sektor agromakanan yang menjadi isu sejak sekian lama," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pra-Pelancaran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia 2022 (MAHA 2022) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika ditanya apa tindakan atau langkah yang diambil kerajaan dalam menangani kartel orang tengah dalam sektor agromakanan negara.



RONALD

> "Ketika ini kita mempunyai 162 pusat pengumpulan bagi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (130) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) (300)."

Mengulas lanjut, Ronald berkata, kerajaan sememangnya menyedari isu orang tengah yang berlaku ketika ini dan mengakui ia bukan perkara baharu.

"Kita tahu pengaruh orang tengah berlaku dalam semua sektor termasuk perikanan. Kita sedang meneliti sebabnya dan ia ada pelbagai bentuk hubungan yang dikatakan orang tengah dengan pengusaha.

"Bagi pihak kementerian kita main peranan untuk memberikan dana modal kepada pengusaha supaya mereka terutamanya pengusaha kecil tidak bergantung sumber kewangan daripada orang mahupun individu lain yang dikategorikan sebagai orang tengah," jelasnya.

Sementara itu, Ronald memaklumkan buat masa ini MAFI tidak bercadang untuk meminda Akta Perikanan 1985 bagi menangani pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia.

Ujarnya, ini kerana akta sedia ada dilihat sudah mencukupi untuk melindungi perairan perikanan negara bagaimanapun aspek penguatkuasaan perlu ditingkatkan dalam menangani isu tersebut.

"Akta Perikanan (sedia ada) cukup untuk menangani isu itu kerana masalahnya adalah penguatkuasaan

"Jadi pelbagai agensi dipertanggungjawabkan untuk membuat pemeriksaan termasuk Jabatan Perikanan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan agensi yang lain untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan melindungi perairan negara kita daripada diceroboh," tegasnya.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, secara asasnya nelayan asing tidak boleh memasuki perairan perikanan negara ini untuk membuat membuat tangkapan hasil laut.

"Sepatutnya nelayan asing tidak boleh masuk dalam kawasan perairan perikanan Malaysia. Kita cuma memberi lesen pelbagai kelas dalam industri perikanan ini kepada orang tempatan.

"Jadi kalau ada orang asing yang menceroboh di laut atau perairan perikanan kita, tentu sekali kita perlu tindakan (oleh) agensi penguatkuasaan untuk menghalang mereka," tambahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/6/2022 | THE STAR | NATION | 8 |


# Chicken stockpile in the wings

## Shortage to be addressed immediately with cooperation of farmers group

By **TARRENCE TAN and GERARD GIMINO**
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The immediate setting up of a chicken stockpile is among a host of measures that the government will take to address the current shortage of food supplies, says Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

"The chicken stockpile will involve the cooperation of the Farmers' Organisation Authority and will be implemented immediately," he said yesterday.

The move, he said, was one of several proactive measures agreed to at a recent Cabinet meeting to address the shortage of food supplies.

Kiandee also said the Cabinet had agreed to expedite the subsidy payments to chicken breeders, of which RM157.53mil would be channelled to small-scale and medium-scale breeders immediately.

He added that the government had also agreed to simplify the import procedure of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) on four commodities – soy, wheat, corn and poultry as well as plants – through delaying permit fees.

"In addition, the Cabinet agreed to expedite the processing of import licences via the Veterinary Services Department (DVS) through interim approvals beginning July 1, with an approval process of within a week," he said in a statement.

Previously, it took between 30 and 90 days for DVS to approve import licences and this new seven-day procedure would now benefit 380 feed-importing companies, he said.

"Also, to lower the rising cost of operations of food production, a revision on all electrical tariffs of the agro-food industry will be implemented," he added.

Another matter agreed to by the Cabinet was to give a special exemption to the hiring of foreign workers.

"This allows the workers to be employed based on the needs of the chicken-breeding industry," said Kiandee.

> **"Strategic collaboration provides excellent opportunities."**
> Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

At a function, the minister said homegrown companies should forge strategic ties with international corporations to improve Malaysia's agriculture and food industries.

"Strategic collaboration provides excellent opportunities for knowledge transfer, supply chain optimisation and the development of new farming techniques among others," he said after witnessing the signing of a partnership between Hoogendoorn Growth Management, an innovative proprietor of process automation systems in greenhouse horticulture from the Netherlands and Idea Company Sdn Bhd, a Malaysian outfit.

Kiandee said partnerships like these had the potential to elevate Malaysia's agriculture industry and accelerate the adoption of the Fourth Industrial Revolution (IR4.0) technologies.

"It is also part of the government's aspirations of the National Agrofood Policy whereby the usage and application of technology is taking place here in Malaysia.

"At the same, these efforts will promote agricultural entrepreneurship in Malaysia and rejuvenate the sector," he added.

Idea Company managing director Zachary Aman said the partnership would provide a suitable environment for crops to grow, especially in the lowlands, which have warmer and more humid conditions.

"Currently, we are controlling conditions in our greenhouse by monitoring temperature and humidity.

"Through the system from Hoogendoorn, the additional sunlight element is harmonised with our existing measures to create a more consistent and conducive environment for our plants," he said.

Zachary added that the collaboration and good relationship with Hoogendoorn would allow continuous sharing of information and learning from each other on potential solutions and creative ideas.

Also present at the ceremony were the Netherlands' Deputy Ambassador to Malaysia and economic section head Eva Oskam, Hoogendoorn Growth Management general manager (Asia) Wierd Vonk, Malaysian Dutch Business Council executive director Marco Winter and Agricultural Department director-general Datuk Zahimi Hassan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |



*Anggota APMM Pulau Pinang merampas bubu naga di sekitar perairan Pulau Burung, Seberang Perai Selatan, Georgetown.* (Foto Ihsan APMM)

# APMM rampas 40 set bubu naga

**Georgetown:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang merampas 40 set bubu naga di tiga lokasi berbeza, di sini, kelmarin.

Rampasan itu dilakukan pasukan anggota yang melakukan rondaan di 1.4 batu nautika barat perairan Pulau Burung, Seberang Perai Selatan, sekitar jam 2.40 hingga 3 petang.

Pengarah Maritim Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed, berkata penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan nelayan.

Katanya, terdahulu ketika melakukan rondaan, anggota penguat kuasa menemukan beberapa pelampung yang mencurigakan di tiga lokasi berbeza terbabit.

Beliau berkata, anggota kemudian melakukan pemeriksaan sebelum berjaya menemukan 40 set bubu naga yang dipasang individu tidak bertanggungjawab.

"Semua bubu naga yang dirampas dengan anggaran nilai RM4,800 itu dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Abd Razak berkata, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah tidak dibenarkan.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"Nelayan diingatkan supaya mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen perikanan yang diperuntukkan.

"Maritim Malaysia akan terus memantau aktiviti haram ini dari semasa ke semasa, dan meminta kerjasama orang ramai segera melaporkan sebarang kes atau jenayah maritim yang berlaku," katanya.

Orang ramai yang mempunyai sebarang laporan, aduan dan kecemasan di laut boleh menghubungi APMM melalui talian 24 jam, iaitu MERS 999 dan Pusat Operasi Maritim Zon Maritim Pulau Pinang (04-2626146).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/6/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 4 |

# 40 bubu naga dirampas di tiga lokasi

**Georgetown:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang merampas 40 bubu naga di tiga lokasi berbeza di sini, kelmarin.

Rampasan itu dilakukan pasukan anggota yang melakukan rondaan di 1.4 batu nautika barat perairan Pulau Burung, Seberang Perai Selatan antara jam 2.40 dan 3 petang.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, anggota penguat kuasa ketika melakukan rondaan di kawasan itu menemukan beberapa pelampung mencurigakan di lokasi berkenaan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut ditemukan 40 bubu naga dipasang individu tidak bertanggungjawab.



ANGGOTA APMM Pulau Pinang merampas bubu naga.

"Kesemua bubu naga dirampas dengan anggaran nilai RM4,800 itu dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut.

"Penggunaan bubu naga diharamkan kerana sifatnya yang tidak selektif dan boleh merosakkan ekosistem perairan selain menjejaskan sumber pendapatan nelayan," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Abd Razak berkata, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Katanya, mereka boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |



*Satu daripada tiga bot nelayan Vietnam yang dirampas APMM ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Pulau Kapas.*
(Foto Zaid Salim/BH)

# Hilang hasil laut RM70 bilion akibat pencerobohan asing

**Marang:** Pencerobohan nelayan asing khususnya dari Vietnam di perairan negeri ini mengakibatkan negara kehilangan hasil laut dianggarkan lebih RM70 bilion dalam tempoh 12 tahun sejak 2010.

Kerakusan nelayan terbabit mencuri hasil laut menggunakan kaedah tunda gandíng dikatakan bukan sahaja memusnahkan ekosistem marin, malah turut menjejaskan sumber rezeki nelayan tempatan berikutan habitat marin dikatakan semakin berkurangan

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli, berkata pihaknya mengenakan tindakan tegas termasuk menenggelamkan bot rampasan untuk dijadikan tukun tiruan dalam menangani isu pencerobohan nelayan terbabit.

Beliau berkata, bermula 2010 hingga kini, pihaknya sudah melupuskan sebanyak 142 bot nelayan Vietnam dengan nilai anggaran sebanyak RM213 juta.

Katanya, proses pelupusan semua bot rampasan yang sudah dilucut hak oleh mahkamah itu dilakukan dengan menenggelamkan bot terbabit untuk dijadikan tukun tiruan.

"Kita mengambil serius dalam menangani isu pencerobohan nelayan Vietnam ini dan sentiasa komited dalam menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan hasil laut negara tidak terus dicuri nelayan asing.

"Tindakan melupuskan bot adalah bukti Maritim komited dalam menguatkuasakan undang-undang perairan negara terutama isu membabitkan pencerobohan nelayan Vietnam.

"Akibat pencerobohan ini, kita menganggarkan sebanyak RM6 bilion hasil laut di perairan negeri ini dicuri nelayan Vietnam setiap tahun," katanya selepas menyaksikan proses pelupusan tiga bot nelayan Vietnam untuk dijadikan tukun tiruan di perairan Pulau Kapas, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim serta Pengarah Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat.

Muhammad Suffi berkata, tiga bot terbabit yang dirampas oleh KM Gemia dan KM Nusa menerusi Ops Naga Barat serta Ops Kuda Laut pada tahun lalu ditenggelamkan di lokasi 1.3 batu nautika dari Pulau Kapas atau 4.7 batu nautika dari muara Marang.

Katanya, semua awak-awak bot terbabit membabitkan seramai 43 orang sudah dihukum penjara selama tujuh bulan.

"Lokasi pelupusan bot yang tidak jauh dari tanah besar itu secara tidak langsung dapat membantu menambah pendapatan nelayan pantai, sekali gus memulihkan ekonomi mereka yang sepenuhnya mengharapkan rezeki hasil laut," katanya.

Katanya, pelupusan bot itu turut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan, Taman Laut serta Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/6/2022 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# MADA pantau penghantaran baja padi secara harian



ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah menghantar baja padi yang mengalami kelewatan sebelum ini bagi membantu melancarkan aktiviti penanaman padi Musim 1/2022.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, pemantauan penghantaran baja kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA akan dipantau oleh Bahagian Pembangunan Industri Padi dan Beras (IPB) dan MADA secara harian agar isu kelewatan baja dapat diselesaikan segera.

Menurutnya, Nafas akan membekalkan stok NPK sebatian dan baja urea sebelum 15 Jun manakala stok baja NPK tambahan pula sebelum 30 Jun ini.

"Nafas memaklumkan telah mengambil langkah meningkatkan kadar pengeluaran baja dengan keupayaan pemprosesan di kilang sebanyak 1,000 tan metrik sehari bagi membolehkan peladang mendapatkan bekalan baja untuk memenuhi keperluan mereka.

"Sehingga Khamis, status penerimaan baja di Kawasan Muda bagi baja sebatian adalah sebanyak 808,421 beg (74 peratus) manakala bagi baja urea sebanyak 247,700 beg (60 peratus) dan baja NPK tambahan pula sebanyak 171,532 beg (28 peratus)," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melantik Nafas sebagai pembekal bagi Program Skim Baja Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) untuk penanam-penanam padi di seluruh Malaysia.

Dianggarkan keperluan baja di Kawasan Muda adalah sebanyak 1,097,396 beg bagi baja NPK Sebatian, Baja Urea adalah sebanyak 410,910 beg dan dan baja NPK Tambahan adalah sebanyak 609,349 beg.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Bekalan ikan di Melaka stabil

Oleh **MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI**
utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Tangkapan ikan nelayan di Melaka tidak terjejas dan masih mampu memenuhi keperluan pelanggan domestik, meskipun situasi kekurangan tangkapan sedang menghimpit beberapa negeri lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Nelayan Melaka, Osman Wahid berkata, para nelayan setakat ini tiada masalah menangkap ikan.

Katanya, isu kekurangan ikan ketika ini hanya berlaku di negeri-negeri tertentu dan melibatkan beberapa jenis ikan.

"Nelayan di Melaka masih mampu penuhi keperluan pelanggan. Jumlah tangkapan bergantung kepada hari tersebut yang mana ada masanya banyak dan ada masa sedikit. Itu biasa.

"Jika ada kekurangan bekalan, kena pastikan jenis ikan apa yang tiada. Contohnya kembung yang banyak terdapat di perairan Pantai Timur, Pantai Barat Perak dan Kedah.

"Di Melaka tiada kembung kerana di sini lebih banyak tenggiri serta parang. Oleh itu, memang tiada isu kekurangan tangkapan ikan oleh nelayan," katanya ketika ditemui.

> **"Jumlah tangkapan bergantung kepada hari tersebut yang mana ada masanya banyak dan ada masa sedikit. Itu perkara biasa."**

Terdahulu, isu kekurangan bekalan ikan hangat diperkatakan selepas kenyataan berbeza dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan.

Jabatan Perikanan memaklumkan bahawa bekalan ikan dalam negara mencukupi tetapi disanggah LKIM susulan pendaratan ikan yang berkurangan di seluruh negara sekaligus menjejaskan bekalan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/6/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 18 |

# Rezeki dari laut



NELAYAN membawa hasil tangkapan ikan ketika tinjauan di pantai Kiamsam, Labuan sempena Hari Lautan Sedunia 2022 yang disambut kelmarin. Hari Lautan Sedunia disambut pada 8 Jun setiap tahun bagi memberi kesempatan kepada orang ramai untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat yang diperoleh daripada lautan serta menggunakan sumber-sumber lautan secara lestari di samping bersama-sama untuk terus menjaga kebersihan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/6/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |




PELANGGAN memilih telur ayam kampung yang dijual di Pasar Pagi Taman Ria Jaya, Sungai Petani semalam.

Peruncit terpaksa beralih jual telur ayam kampung

# Telur ayam kurang, harga melambung

**SUNGAI PETANI** – Masalah kekurangan bekalan telur ayam di negeri ini menyebabkan berlaku kenaikan harga di pasaran sejak seminggu lalu.

Pihak pemborong dan peruncit pula didakwa tertekan apabila menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan telur untuk memenuhi permintaan pelanggan.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, harga runcit telur ayam Gred C sebelum ini RM9.70 (sekarang RM11.70); Gred B sebelum RM11 (sekarang RM13), manakala Gred A sebelum RM13 (sekarang RM15-RM16) dijual di pasaran.

Seorang pemborong, Ah Swee Kee, 50, dari Kuala Ketil berkata, kekurangan bekalan di pasaran bermula seminggu lalu sehingga harganya turut melonjak tinggi.

"Akibat bekalan telur ayam di pasaran berkurang, harganya naik antara 10 hingga 20 peratus.

"Jadi saya terpaksa mengehadkan tempahan peruncit atau mengurangkan kuantiti tempahan sehingga turut menjejaskan perniagaan yang diusahakan lebih 20 tahun ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, pihak peniaga juga tidak menolak kemungkinan harga telur mengalami kenaikan menjelang Aidiladha depan kerana permintaannya meningkat.

Peruncit, Shuib Nayan, 60, yang menjual telur di Pasar Pagi Taman Ria, di sini berkata, dia difahamkan bekalan dari ladang berkurang sehingga peniaga terpaksa membeli telur ayam kampung untuk memenuhi permintaan pengguna.

"Telur ayam kampung gred AA dijual dengan harga RM16 sepapan (30 biji), gred A (RM15), gred B (RM12) dan gred C (RM11).

"Harga telur ayam didapati meningkat lebih tinggi berbanding minggu lalu kerana kekurangan bekalan di pihak pemborong dan kedai runcit," ujarnya.

## 'Stok ayam tidak cukup, saiz pula kecil-kecil'

**GEORGE TOWN** – Peniaga ayam di negeri ini bukan sahaja perlu berdepan isu kekurangan bekalan malah terpaksa menerima stok ayam tidak cukup matang daripada pembekal.

Seorang peniaga ayam di daerah Barat Daya yang mahu dikenali Farok, 45, berkata, dia terpaksa menerima ayam kurang matang dengan saiz 1.1 hingga 1.3 kilogram (kg) seekor daripada syarikat pembekal untuk dijual di gerainya minggu ini.

"Stok ayam masih kurang dan pembekal tetap tidak dapat menyediakan jumlah yang ditempah. Kali ini, pembekal hantar ayam bersaiz kecil atau kurang matang.

"Daripada tiada langsung bekalan harian, saya terpaksa mengambilnya (ayam) juga untuk tempahan pelanggan tetap dan jualan di pasar awam," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Ayam standard yang sudah matang dikatakan mempunyai berat 1.5 kg ke atas.

Difahamkan, pihak peladang terpaksa membekalkan ayam hidup yang belum matang berikutan permintaan tinggi pelanggan tempatan ketika ini.

Sementara itu, seorang lagi peniaga ayam, Mohamad Nasir Abdul Kalam, 31, berkata, sejak Ahad lalu dia berdepan kenaikan 10 sen harga ayam menjadi RM9.20 sekilogram ketika ini di peringkat pembekal.

"Pembekal masih ikut harga kawalan iaitu RM7.60 sekilogram, namun menetapkan caj perkhidmatan (RM1.30) dan buruh (30 sen) untuk 1kg ayam.

"Selain itu, saya juga ada menerima ayam bersaiz burung atau kurang matang dengan berat 1.1 hingga 1.4 kg," ujarnya.

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



MOHAMAD NASIR menunjukkan perbezaan ayam segar bersaiz kecil (kanan) dan ayam standard di premisnya di Pasar Awam Chowrasta, George Town di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/6/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Kabinet setuju tujuh syor atasi isu harga, pulih stok makanan

**Kuala Lumpur:** Kabinet bersetuju dengan tujuh langkah proaktif jangka pendek bagi menangani isu bekalan dan harga makanan termasuk menyegerakan proses pembayaran pendahuluan tuntutan subsidi harga ayam berjumlah RM157.53 juta kepada penternak kecil dan sederhana.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata langkah seterusnya adalah memudah cara prosedur import (IP) Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ke atas empat komoditi iaitu soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan dan tumbuhan.

Katanya, ini melalui penangguhan fi permit serta mewujudkan *'priority lane'* bagi proses kemasukan pantas sehingga bekalan ayam di pasaran kembali stabil.

"(Selain itu) mempercepat proses keperluan lesen pengimportan di bawah Jabatan Perkhidmatan Vaterinar (DVS) melalui kelulusan secara interim bermula 1 Julai ini dengan proses kelulusan dalam masa tujuh hari bekerja berbanding dengan 30 hingga 90 hari yang akan memberi manfaat kepada 380 syarikat pengimport bahan makanan ternakan.

"Memberikan pengecualian khas bagi pengambilan pekerja asing dalam industri penternakan ayam mengikut keperluan bagi membolehkan aktiviti penternakan ayam beroperasi pada tahap optimum sekali gus menjamin kesinambungan pengeluaran," katanya dalam kenyataan semalam.

Turut dipersetujui, kata beliau, melaksanakan semakan semula ke atas tarif elektrik sektor agromakanan untuk mengurangkan beban kos operasi pengeluar makanan.

Disamping mewujudkan kaedah pelaksanaan simpanan stok ayam untuk menangani kekurangan bekalan ayam di pasaran menerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang membabitkan Pertubuhan Peladang secara gabungan dan akan mula dilaksanakan serta-merta.

"Secara amnya, bekalan makanan negara masih mencukupi untuk menampung keperluan penggunaan tempatan.

"Bagaimanapun, bekalannya sudah menunjukkan trend bekalan yang lebih rendah berbanding keperluan bulanan bermula pada Februari lalu, namun bekalan semakin beransur pulih dan dijangka akan kembali stabil bermula bulan ini," katanya.

# Peniaga tersepit jualan ikan merosot mendadak

## Penjual dakwa hanya untung sikit, pemborong maklum bekalan merosot

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my



*Pelbagai jenis ikan yang dijual di Pasar Jalan Raja Bot, Chow Kit kurang mendapat sambutan pembeli, semalam.* (Foto Aizuddin Saad/BH)

**Kuala Lumpur:** Peniaga ikan mendakwa tersepit dengan jualan harian yang merosot secara mendadak selepas orang ramai enggan membeli ikan susulan harga mahal yang dijual sekitar RM10 hingga RM20 sekilogram.

Tinjauan *BH* di Pasar Raja Bot atau Pasar Chow Kit semalam mendapati gerai ikan kurang mendapat sambutan dengan kebanyakan pembeli mengeluh susulan harga tinggi berbanding sebelum ini.

Antara jenis ikan yang naik mendadak adalah ikan kembung dengan harga RM17 sekilogram, siakap dijual RM20 sekilogram dan selayang (RM12).

Penjual ikan, Nasir Saleh, berkata sejak kebelakangan ini jualannya semakin menurun, malah banyak ikan terpaksa dijual secara longgok kerana hampir busuk akibat tidak laku.

"Dulu, dalam masa sehari, tiga tong ikan habis dijual tetapi sekarang, satu tong ikan pun susah untuk dijual habis.

"Pelanggan yang sebelum ini datang membeli banyak hingga lima kilogram seorang, kini membeli sekitar dua kilogram saja akibat harga naik.

"Keadaan ini menyebabkan kami kerugian, malah duit jualan harian terpaksa diguna untuk membeli ikan daripada pemborong bagi jualan esok pula," katanya kepada *BH*.

Nasir berkata, ikan kembung yang dibeli daripada pemborong dengan harga RM16.50 sekilogram, terpaksa dijual pada harga RM17 dengan untung diperoleh sekitar 50 sen saja.

Beliau berkata, pemborong memaklumkan kenaikan harga berlaku berikutan bekalan ikan merosot yang menyebabkan harga turut naik berganda.

Suri rumah, Sufiah Rashid, 36, berkata sebelum ini ikan menjadi pilihan keluarganya kerana lebih murah berbanding ayam.

"Saya terkejut apabila harga ikan juga kini naik mendadak. Sebelum ini, sebagai langkah berjimat cermat, saya jarang beli ayam selepas harganya naik.

"Namun, apabila harga ikan semakin tinggi, saya hanya mampu membeli beberapa ekor sahaja setiap kali ke pasar," katanya.

Sementara itu, tinjauan di gerai ayam mendapati rata-rata peniaga meletakkan tanda harga jualan sekitar RM8.90 sekilogram, namun ada peniaga memaklumkan kepada pembeli harga dinaikkan kepada RM10 termasuk caj bagi pemotongan ayam.

Peniaga, Siti Saleha Rahman, 40, berkata taktik berkenaan kerap digunakan peniaga di Pasar Chow Kit, bahkan ada yang meletakkan harga sehingga RM11 jika pembeli inginkan ayam segar.

Bekalan sayur pula didapati mencukupi dengan kebanyakan peniaga memaklumkan perniagaan sudah beransur pulih dengan harga kembali menurun.

Misalnya, harga sawi yang sebelum ini dijual sekitar RM8 sekilogram turun kepada RM5, manakala harga cili merah turun dari RM14 kepada RM12 sekilogram.

Harga tepung gandum di kedai runcit, di sini juga terkawal dengan harga sekilogram dijual RM3.50.

# Bekalan ayam mulai pulih, stabil

**Serdang:** Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, mengesahkan bekalan ayam dalam negara sudah mulai pulih.

Beliau berkata, ia berdasarkan semakin kurang laporan berhubung krisis bekalan bahan mentah itu yang didengar daripada pihak berkaitan sejak beberapa hari kebelakangan ini.

"Laporan yang diterima berkurangan. Ada dengar laporan bekalan kurang dalam beberapa hari ini? Maknanya ia sudah mulai stabil," katanya kepada media selepas Majlis Prapelancaran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini semalam.

Bagaimanapun, Ronald berkata, kerajaan masih mengekalkan larangan eksport ayam termasuk ke Singapura.

"Bekalan ayam kita mulai stabil tetapi setakat ini, kita masih mengekalkan larangan eksport ayam ke negara itu," katanya.

Pada 23 Mei lalu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan pemberhentian eksport 3.6 juta ayam sebulan mulai 1 Jun, sebagai antara lima pendekatan segera jangka pendek dalam usaha mengatasi isu kekurangan bekalan bahan makanan itu.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, tindakan itu diputuskan hasil mesyuarat Kabinet, dan akan berkuat kuasa hingga harga serta pengeluaran ayam tempatan kembali stabil, dengan memberi keutamaan kepada memenuhi keperluan rakyat negara ini.



*Ronald (dua dari kiri) melepaskan konvoi kenderaan MAFI pada prapelancaran MAHA 2022 di Serdang, semalam.* (Foto Azhar Ramli/BH)